

Dr M tidak tahu Mahaleel mahu tinggalkan Proton

BH - 20/1/2005: B1

PENASIHAT Proton Holdings Bhd, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau tidak mengetahui mengenai hasrat Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff mahu meninggalkan syarikat pengeluar kereta nasional itu, seperti yang dilaporkan.

"Saya tak dengar apa pun. Saya tidak tahu," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Profesor Ekonomi Universiti Columbia, Joseph E Stiglitz di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, semalam.

Bekas Perdana Menteri berkata, Tengku Mahaleel tidak memberitahunya mengenai hasratnya untuk meninggalkan Proton.

"Beliau tidak menyatakan mengenai niatnya (untuk berhenti) tetapi beliau ada memberitahu saya bahawa penggalnya (kontrak) akan berakhir April ini," kata Dr Mahathir ketika diminta mengulas laporan yang menyatakan bahawa ketua eksekutif kumpulan Proton itu tidak memperbaharui kontraknya apabila ia tamat.

Ketika ditanya sama ada Tengku Mahaleel akan digantikan oleh seorang ketua eksekutif asing seperti yang dilaporkan, beliau berkata; "Setakat ini saya tak tahu apa." - Bernama